

08 AUG 1997

CANSELOR AUSTRIA BERTEMU DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Canselor Austria, Viktor Klima mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Setiausaha Bahagian Eropah Wisma Putra, M. Santhanaban berkata, Klima dan Dr Mahathir membincangkan hubungan dua hala termasuk perdagangan antara Austria dan Malaysia.

Kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan isu-isu mengenai Bosnia-Herzegovina dan pentingnya melengkapkan penduduk Bosnia dengan senjata untuk melindungi diri mereka sendiri.

Dr Mahathir berharap Austria dapat memainkan peranannya dalam meminta negara-negara Kesatuan Eropah (EU) untuk membenarkan penduduk Bosnia dilengkapkan dengan senjata, kata Santhanaban kepada pemberita selepas pertemuan antara Klima dan Dr Mahathir.

Beliau berkata, Canselor Austria itu juga menjemput Dr Mahathir untuk melawat negaranya. Kali terakhir Dr Mahathir melawat Austria ialah 1985.

Klima akan berada di sini kerana lawatan peribadi selama dua minggu. Beliau bersama keluarganya tiba di sini pada 29 Julai lepas. Beliau akan berlepas pulang esok. -- BERNAMA

HS PR